

**Mahathir - Media**

KUALA LUMPUR , 30gos( Rernama ) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkat-a bahawa negara-negara anggota Asean memang patut bekerjasama untuk mengatasi masalah laporan yang tidak adil terhadap mereka oleh media Barat.

Walaupun bukan mudah untuk mencapai ke jayaan, Perdana Menteri berkata , negara-negara anggota Asean sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah itu melalui pertukaran berita yang berpunca dari negara mereka s'endiri.

+Kadang-kadang kita baca berita mengenai negara-negara Asean lain melalui laporan yang dibuat dari luar Asean dan kerap kali mereka tidak menulis mengutamakan perkara-perkara yang baik, cuma mencari perkara yang huruk sahaja untuk dilaporkan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-20 Gerakan di sini.

Beliau diminta mengulas persetujuan Menteri-menteri Penerangan Asean untuk mencari pendekatan bersama bagi menghadapi laporan tidak seimbang oleh media Barat dalam pernyataan bersama mereka sempena persidangan menteri-menteri berkenaan yang tamat semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir telah merasmikan Persidangan Menteri-menteri Penerangan Asean itu yang berlangsung selama dua hari.. --Lagi.

♥03/08/16-48MST

CNS2861

U GB 03-08 00152 BA754

AAB

Mahathir - Media 2 Kuala Lumpur

Katanya, media Barat sepatutnya turut memberikan perhatian mengenai pembangunan pesat Yang dicapai di negara-negara anggota Asean daripada menyiarkan laporan negatif mengenai rantau itu.

Mengenai universiti terbuka, beliau berkata , kerajaan sedang mengkaji mengenai penubuhannya terutama daripada segi tenaga pengajar dan bidang pelajaran yang akan disediakan.

Ratanya, masalah yang dihadapi ialah mendapatkan pensyarah dan profesor, serta tumpuan kepada jurusan teknikal dan kejuruteraan.

+Setakat yang kita boleh kita akan mencari jalan untuk mengadakan universiti terbuka walaupun mungkin skopnya tidak begitu besar, katanya mengulas perkara berkenaan yang sebelum itu disentuh oleh Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik semasa berucap pada majlis perasmian itu.

Datuk Seri Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, Gerakan gembira ramendapatikera jaan bercadang untuk menubuhkan sebuah universiti terbuka kerana ia merupakan satu cara menawarkan peluang pendidikan tinggi kepada rakyat. --Lagi.

♥03/08/16-55MST

CNS2863

U GB 03-08 00088 BA755

AAB

Mahathir - Media 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masalah lain yang perlu diteliti ialah cara penyampaian pelajaran kepada penuntut yang menyertai program universiti terbuka itu.

Sementara mata pelajaran bahasa dan sastera seperti geografi dan sejarah mudah dipelajari oleh penuntut di rumah, mata pelajaran teknikal mungkin sukar diikuti di rumah kerana tidak adanya alat yang mencukupi, katanya.

Bagi mengatasi masalah itu, televisyen mungkin dapat digunakan untuk menyiarkan mata pelajaran Yang susah dan memerlukan peralatan, katanya. -- Rernama.

♥03/08/16-56MST